

# Dua beradik jahat

*Dicekup edar, simpan dadah pelbagai jenis bernilai RM4.75 juta*

Oleh Norzamira  
Che Noh  
am@hmetro.com.my

**Shah Alam**

**D**ua beradik jahanam. Itu tindakan dua suspek yang ditahan polis selepas dikesan mengedar dan menyimpan pelbagai jenis dadah bernilai RM4.75 juta.

Kegiatan dua beradik itu bagaimanapun dibongkar susulan kejayaan Polis Selangor menahan mereka dalam dua serbuan pada 2 Mac lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Noor Azam Jamaluddin berkata, serbuan pertama dilakukan pada jam 11.30 pagi di sebuah kondominium di Ampang Jaya.

Menurutnya, hasil serbuan itu, polis menahan tiga suspek iaitu dua lelaki dan seorang wanita.

"Ketika ditahan suspek pertama menyerahkan tiga peket plastik berisi Erimin 5 seberat 32.5 gram.

"Pemeriksaan lanjut di kediaman itu menemui 1,680 botol kaca berisi cair dipercayai Erimin 5 dengan anggaran 10 mililiter (ml) untuk setiap botol.

"Kita menemui 66 bungkus dadah disyaki methamphetamine (syabu) de-



NOOR Azam (dua dari kiri) menunjukkan dadah yang dirampas, semalam.

ngan anggaran berat 23.5 kilogram (kg) dan enam plastik berisi heroin seberat 1.48kg. Nilai rampasan dadah dianggarkan RM2.55 juta," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor di sini, semalam.

Beliau berkata, polis melakukan serbuan kedua di

sebuah pangaspuri di Damansara Damai, Petaling Jaya pada jam 11.30 malam.

Katanya, hasil pemeriksaan menemui empat kotak berisi 165 bungkus disyaki syabu seberat 43.7kg dianggarkan bernilai RM2.19 juta.

"Jumlah rampasan dadah

diperoleh bernilai RM4.74 juta," katanya.

Noor Azam berkata, suspek pertama yang berusia 24 tahun dipercayai dalang sindiket dan juga abang kepada suspek kedua iaitu lelaki berusia 19 tahun manakala wanita berusia 21 tahun adalah teman wanita kepada suspek pertama.

Jelasnya, hasil ujian air kencing mendapati suspek utama positif dadah syabu manakala dua lagi negatif.

"Hanya suspek wanita mempunyai rekod jenayah lampau membabitkan kes penipuan dan semua tangkapan direman tujuh hari mulai 3 Mac lalu," katanya.